

Produktiviti dan Pertumbuhan Ekonomi

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Kelembapan ekonomi dunia masih berterusan kesan dari kejatuhan harga komoditi utama dunia, yang seterusnya mempengaruhi aliran perdagangan dan pelaburan global. Dalam kalangan ekonomi utama dunia, cuma Amerika Syarikat (AS) menunjukkan pertumbuhan yang agak baik. Pertumbuhan ekonomi Jepun masih lembab manakala harapan pertumbuhan zon euro terganggu oleh peristiwa *Brexit*. Pertumbuhan ekonomi United Kingdom (UK) sendiri yang sebelum ini agak baik sudah tentu menjadi tidak menentu kesan dari *Brexit*.

Bank Dunia di dalam laporan Jun 2016 telah menurunkan jangkaan pertumbuhan ekonomi dunia untuk tahun ini kepada 2.4 peratus, penurunan 0.5 peratus dari jangkaan awal pada bulan Januari. Dalam pada itu Bank Dunia juga turut menurunkan jangkaan pertumbuhan ekonomi untuk AS, zon euro dan Jepun berbanding dengan jangkaan di awal tahun. Bank Dunia juga turut menurunkan ramalan harga minyak untuk tahun ini berbanding dengan ramalannya pada bulan Januari 2016.

Situasi ini memberi isyarat bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk tahun ini terus menerima tekanan dari kelembapan ekonomi dunia. Pertumbuhan ekonomi terus bergantung kepada permintaan domestik. Permintaan luar merekodkan pertumbuhan negatif 12.4 peratus untuk suku pertama tahun ini berbanding dengan suku pertama tahun lepas.

Perlu diingat bahawa pergantungan kepada permintaan domestik keterlaluan juga tidak berapa sihat kepada ekonomi kerana dikhuatiri akan memberi kesan sampingan yang negatif seperti inflasi dan peningkatan hutang individu. Sehubungan dengan itu, pertumbuhan permintaan domestik dijangka akan melalui fasa yang lebih perlahan. Permintaan domestik dijangka tumbuh pada kadar 3.6 peratus untuk suku pertama

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

2016 berbanding dengan suku pertama tahun lepas. Kadar ini jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan 8.0 peratus pada tempoh yang sama 2015. Kesemua komponen permintaan agregat, yakni penggunaan dan pelaburan, sama ada swasta atau awam menunjukkan pertumbuhan yang lebih perlahan untuk suku pertama 2016.

Suku pertama 2016 mencatatkan pertumbuhan tahunan keluaran dalam negara kasar (KDNK) benar sebanyak 4.2 peratus. Ini adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan pertumbuhan sebanyak 5.7 peratus untuk tempoh yang sama tahun lepas. Pertumbuhan KDNK untuk suku pertama tahun ini majoritinya adalah disumbangkan oleh penggunaan swasta, iaitu sebanyak 2.8 mata peratusan.

Senario pertumbuhan ekonomi Malaysia berdasarkan perangkaan suku pertama tahun ini memberi amaran untuk berwaspada. Ini ditambah lagi dengan keadaan ekonomi global yang masih tidak menentu. Kejutan *Brexit* masih belum menunjukkan kesan menyeluruh terhadap ekonomi dunia jangka panjang. Malahan para penganalisis bukan sahaja melihat kesan *Brexit* terhadap pertumbuhan ekonomi zon euro, tetapi juga persoalan tentang kemapanan kesatuan euro (EU) itu sendiri. Ada dikalangan penganalisis politik berpendapat bahawa akan terdapat lain-lain negara ahli EU akan mengikuti jejak UK. Jika ini berlaku, sudah tentu memberi kesan terhadap ekonomi dunia, positif atau negatif.

Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk membantu menjana pertumbuhan ekonomi? Sudah tentu dari perspektif kerajaan adalah dengan memilih dasar-dasar yang bersesuaian sama ada dasar kewangan, fiskal mahu pun dasar pentadbiran. Namun persoalannya adakah individu mempunyai peranan di dalam konteks penjanaan pertumbuhan ekonomi ini? Sekiranya ada, apakah peranan individu untuk membantu mengoptimumkan pertumbuhan ekonomi di dalam senario semasa?

Untuk menjawab persoalan ini, mula-mula boleh dilihat dari sudut pengurusan ekonomi makro. Kejayaan dasar pengurusan permintaan agregat kerajaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi adalah bergantung kepada keberkesanan dasar-dasar tersebut. Keberkesanan dasar ini boleh dikaji dengan menganalisis saluran-saluran yang berkaitan dengan mekanisme bagaimana dasar-dasar berkenaan berfungsi. Sudah

pasti, tugas ini dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, dan ianya tidak berkenaan dengan individu secara langsung.

Namun, setiap individu sebagai ahli di dalam sebuah ekonomi boleh memainkan peranan masing-masing untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, peranan individu ini boleh dimainkan tanpa disedari di dalam konteks makroekonomi. Dengan kata lain, setiap individu cuma mengambil langkah-langkah tertentu berdasarkan kepentingan peribadi masing-masing. Jika langkah yang diambil oleh individu untuk kepentingan peribadi tersebut dilakukan berlunaskan prinsip-prinsip ilmiah berdasarkan maklumat-maklumat yang ada, maka keseluruhan ekonomi akan mendapat manfaat disamping manfaat yang diperolehi individu berkenaan.

Kunci kepada keberkesanan sebarang aksi untuk menjana pertumbuhan ekonomi adalah terletak kepada produktiviti. Dasar-dasar kerajaan juga sebenarnya adalah memfokuskan kepada produktiviti, secara langsung atau tidak, untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Umpamanya, dasar menggalakkan perbelanjaan swasta adalah lebih efektif dari segi menjana pertumbuhan ekonomi sekiranya perbelanjaan swasta tersebut berlaku secara lebih produktif berbanding dengan perbelanjaan yang kurang produktif atau secara umumnya disebut sebagai suatu pembaziran. Analogi yang sama juga untuk pelaburan. Masyarakat umum boleh mengambil pendekatan bahawa sebarang dasar kerajaan adalah dilakukan dengan mengambil kira prinsip ini. Justeru, setiap individu cuma perlu menumpukan kepada tingkah laku masing-masing untuk meningkatkan produktiviti tanpa perlu gusar dengan dasar kerajaan.

Panduan kepada individu untuk mengambil tindakan sama ada untuk penggunaan atau pelaburan adalah untuk mengelakkan pembaziran. Tingkah laku ini lazimnya adalah berlaku secara semula jadi terhadap setiap individu rasional. Namun yang membezakan antara yang lebih produktif dengan yang kurang adalah ilmu pengetahuan. Justeru, secara umumnya masyarakat yang berilmu akan mengambil tindakan yang lebih produktif. Segala tingkah laku mereka secara umumnya akan memberi lebih manfaat kepada diri mereka sendiri dan seterusnya kepada keseluruhan masyarakat.

Pengajaran yang paling besar perlu diambil oleh keseluruhan masyarakat adalah pembudayaan ilmu. Peningkatan ilmu pengetahuan, secara langsung atau tidak, adalah kunci kejayaan sesebuah ekonomi untuk menjana pertumbuhan yang berterusan. Justeru, pelaburan modal insan adalah sebenarnya merupakan tanggung jawab individu melebihi majikan atau kerajaan.

Di dalam konteks semasa yang menghadapi kelembapan ekonomi, semua pihak perlu memainkan peranan untuk meningkatkan produktiviti secara langsung atau pun tidak. Kesemua langkah yang di ambil perlu mengambil kira peningkatan manfaat masa hadapan disamping manfaat semasa. Sudah tentu cara yang paling efektif adalah pelaburan di dalam ilmu pengetahuan, sama ada dalam konteks individu, majikan mahupun kerajaan. Dari sudut ekonomi kompetitif, keputusan ini tidak lain adalah merupakan keputusan komersil.

Dengan kata lain, peningkatan modal insan adalah kunci kepada pertumbuhan ekonomi yang mapan. Tanpa peningkatan ilmu pengetahuan sesebuah ekonomi lambat-laun akan menjadi tidak relevan. Manakala proses peningkatan ilmu pengetahuan adalah sesuatu yang dinamik. Oleh itu, masyarakat perlu membudayakan kedinamikan ilmu pengetahuan. Turun-naiknya pertumbuhan ekonomi tidak harus mempengaruhi proses peningkatan modal insan masyarakat.